

NO. SOALAN : 41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN  
JUSOH [ SETIU ]**

**TARIKH : 28 MEI 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Setiu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat perancangan untuk membina bangunan persekutuan di daerah Setiu memandangkan tapak telah pun disediakan, Pejabat Kerajaan Persekutuan dan Negeri terletak berjauhan antara satu sama lain yang menyukarkan orang ramai untuk berurusan dan kebanyakan daerah-daerah lain telah pun memiliki bangunan Persekutuan.

**Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** mengenai punca kenaikan harga atau caj bagi perkhidmatan yang tidak munasabah. Peniaga yang telah menaikkan kadar margin keuntungan bersih dan gagal untuk mengemukakan justifikasi atau penjelasan serta maklumat dan dokumen tertentu mengikut tempoh masa yang ditetapkan adalah menjadi satu kesalahan dan tindakan pendakwaan akan diambil.

Bagi menangani kenaikan harga susu formula bayi, Kementerian telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- i) Mengeluarkan notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 kepada peniaga;
- ii) Mendapatkan maklum balas berhubung dokumen berkaitan perjalanan perniagaan;
- iii) Mengambil tindakan sekiranya gagal memberi maklum balas terhadap notis tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan; dan
- iv) Membuat analisa pencatutan terhadap maklumat yang dibekalkan dan sekiranya berlaku pencatutan tindakan akan diambil di bawah Seksyen 14(1) Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Walau bagaimanapun, Kementerian sedang mengenalpasti syarikat-syarikat yang terbabit untuk membolehkan tindakan selanjutnya diambil berhubung kenaikan harga susu formula bayi ini.